

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HMT 201 - Tinjauan Nahu Melayu Tradisional

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab SEMUA soalan.

- Tulis nombor 1 hingga 7 secara berurutan di muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.
- Jawapan mestilah ringkas, tepat dan analitikal.
- Di samping isi, aspek bahasa juga diambil kira.

1. Fahami wacana yang berikut ini.

"Yakni ini satu pendahuluan. Ketahui olehmu hai orang yang menuntut bahasa Melayu, bahawa sesungguhnya sekali-kali tiada boleh dapat kenyataan segala maksud bahasa Melayu dengan sempurnanya melainkan hendaklah dengan ilmu yang tersebut yang akan lagi datang di dalam kitab ini."

- (a) Siapakah nama ahli bahasa yang mengemukakan kenyataan di atas?
- (b) Daripada buku apakah wacana di atas dikutip?
- (c) Huraikan maksud wacana tersebut.

(15 markah)

2. Huraikan secara terperinci apakah gagasan Za'ba (1965) tentang Benda dan Cerita. Sertakan contoh yang sesuai bagi melengkapkan lagi huraian tersebut.

(15 markah)

3. Di dalam Nahu Melayu Mutakhir, Asmah Hj. Omar, 1980 : 9 berpendapat bahawa ada empat kriterium yang biasanya digunakan di dalam pemilihan alomorf dasar.

Perincikan setiap kriterium tersebut dengan contoh yang secukupnya.

(15 markah)

4. Menurut Nik Safiah Karim et al., di dalam buku Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan (1989 : 68-74), Kata Nama boleh diterbitkan dengan pengimbuhan peN-...-an, pe-...-an dan peR-...-an.

(a) Berikan 5 contoh yang sesuai bagi setiap pengimbuhan.

(b) Perlihatkan proses pembentukan setiap pengimbuhan tersebut.

(c) Mengapakah perlu dibezakan ketiga-tiga imbuhan apitan tersebut?

(15 markah)

5. Di dalam Tatabahasa Dewan Jilid 1: Ayat (Nik Safiah Karim et al., 1986 : 43) dinyatakan bahawa Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu ada empat.

(a) Perturunkan semula setiap pola dengan masing-masing 5 contoh ayat.

(b) Sila polakan ayat yang berikut ini.

Ada nasi di dalam periuk

(c) Sila komen pola pada (a) dengan ayat pada (b).

(15 markah)

6. Sutan Takdir Alisjahbana di dalam Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia (1974 : 41) mengatakan bahawa "Soal aktif-pasif di dalam bahasa Indonesia sekarang sedang di dalam keadaan krisis". Apakah yang beliau maksudkan dengan kenyataan tersebut dan sila kemukakan pendapat anda pula.

(15 markah)

7. Secara keseluruhannya Liaw Yock Fang di dalam bukunya Nahu Melayu Moden (1985) mengkritik buku Pelita Bahasa Melayu, karya Za'ba (1948) dan Nahu Melayu Mutakhir, karya Asmah Hj. Omar (1980). Sila anda beri ulasan am tentang Nahu Melayu Moden karya Liaw Yock Fang itu sendiri.

(10 markah)